



PELABUHAN KUANTAN
MALAYSIA

PELAN STRATEGIK 2023-2033 STRATEGIC PLAN

KANDUNGAN


CONTENTS

BAB <i>CHAPTER</i> 1	PENGENALAN <i>INTRODUCTION</i>	Muka Surat <i>Page</i>
	Perutusan Pengerusi <i>Chairman's Foreword</i>	4 - 5
	Perutusan Pengurus Besar <i>General Manager's Foreword</i>	6 - 7
	Ringkasan Eksekutif <i>Executive Summary</i>	8
	Sejarah Lembaga Pelabuhan Kuantan <i>History of Kuantan Port Authority</i>	9
	Carta Organisasi <i>Organisational Chart</i>	10
	Fungsi Lembaga Pelabuhan Kuantan <i>Functions of Kuantan Port Authority</i>	11
	Visi, Misi, Moto <i>Vision, Mission, Motto</i>	12
	Piagam Pelanggan <i>Customer Charter</i>	13
	Objektif Lembaga Pelabuhan Kuantan <i>Objectives of Kuantan Port Authority</i>	14
	Punca Kuasa <i>Sources of Power</i>	15
	Pihak Berkepentingan <i>Stakeholders</i>	16
BAB <i>CHAPTER</i> 2	ANALISA PERSEKITARAN DAN CABARAN <i>ENVIRONMENTAL ANALYSIS AND CHALLENGES</i>	
	Dasar Pengangkutan Negara 2019 - 2030 <i>National Transport Policy 2019 - 2030</i>	18 - 20
	Analisa SWOT <i>SWOT Analysis</i>	21 - 22

KANDUNGAN

CONTENTS

BAB 3 <i>CHAPTER 3</i>	HALA TUJU STRATEGIK <i>STRATEGIC DIRECTIONS</i>	
	Teras dan Bidang Keberhasilan Utama (KRA) <i>Cores and Key Result Area (KRA)</i>	24 - 25
	Teras 1: Meningkatkan Kecekapan Tadbir Urus Yang Baik Dan Beramanah <i>Core 1: Enhancing the Efficiency of Good Governance</i>	26 - 27
	Teras 2: Memperkasakan Perkhidmatan Pelabuhan <i>Core 2: Enhancement of Port Services</i>	28 - 29
	Teras 3: Pembangunan Pelabuhan Mampan <i>Core 3: Sustainable Port Development</i>	30 - 33
	Teras 4: Digitalisasi Perkhidmatan Pelabuhan <i>Core 4: Digitalisation of Port Services</i>	34 - 35
BAB 4 <i>CHAPTER 4</i>	FAKTOR PENENTU KEJAYAAN <i>DETERMINANT OF SUCCESS FACTOR</i>	37 - 40
BAB 5 <i>CHAPTER 5</i>	PENUTUP <i>CLOSING REMARK</i>	41 - 44



PENGENALAN INTRODUCTION

BAB 1
CHAPTER 1



PERUTUSAN Pengerusi

Salam Sejahtera,

Alhamdulillah, saya memanjatkan kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan keizinan dan kurniaNya Pelan Strategik LPKtn 2023-2033 telah berjaya dikemaskini setelah Pelan Strategik LPKtn 2008-2020 Kajian Semula tamat. Pelan Strategik ini dibangunkan hasil daripada percambahan idea semua pegawai untuk melaksanakan penambahbaikan berterusan terhadap sistem penyampaian perkhidmatan agar berupaya memberi impak yang besar khususnya kepada Pelabuhan Kuantan.

Saya percaya pelan ini akan dijadikan "*blueprint*" dan garis panduan yang lebih jelas kepada semua kakitangan LPKtn serta pihak-pihak berkepentingan untuk saling berganding bahu dan bekerjasama ke arah merealisasikan visi dan misi LPKtn. Pelan Strategik yang baru ini adalah sejajar dengan perubahan persekitaran dan keperluan semasa menuju era Industri 4.0.

Saya berpendapat bahawa dalam merancang masa depan, aspek Tadbir Urus Beramanah, Pelabuhan Hijau dan Pengukuhan Infrastruktur IT serta Pembangunan Digitalisasi perlu dimantapkan dan kelemahan yang dikenalpasti perlu ditambahbaik secara berterusan.

Akhirnya saya berharap Pelan Strategik LPKtn 2023-2033 ini mampu memberi impak yang positif dan membawa manfaat kepada semua pihak yang berkepentingan di Pelabuhan Kuantan.

Sekian.

Y.A.M TAN SRI TENGKU AZLAN IBNI SULTAN ABU BAKAR
Pengerusi



CHAIRMAN'S FOREWORD

Greetings,

Alhamdulillah, I would like to extend my gratitude to Allah S.W.T as with His consent and blessing, the KPA Strategic Plan 2023-2033 has been successfully updated after the expiry of the KPA Strategic Plan 2008-2020 Review. This Strategic Plan was developed through the proliferation of ideas by all officers to implement continuous improvement of the service rendering system that would be able to provide significant impact specifically to Kuantan Port.

I believe this planning will be the blueprint and more clearer guidelines to all personnel of KPA and its stakeholders to be united and to work together towards realization of KPA vision and mission. The new Strategic Plan is aligned with the changes in the current environment and essential requirement whilst moving towards the Industrial 4.0 era.

I am of the opinion that in planning the future, Good Governance, Green Port and Stabilized IT Infrastructure as well as Digitalisation Development aspects need to be secured and the shortcomings identified should be continuously improved.

Lastly, I hope that the KPA Strategic Plan 2023-2033 is able to provide significant impact that are positive and beneficial to all stakeholders of Kuantan Port.

Thank you.

Y.A.M TAN SRI TENGKU AZLAN IBNI SULTAN ABU BAKAR
Chairman



PERUTUSAN PENGURUS BESAR

Setinggi-tinggi penghargaan diucapkan kepada semua anggota pekerja yang telah menjayakan penghasilan Pelan Strategik Lembaga Pelabuhan Kuantan bagi tempoh 2023-2033. Pembentukan Pelan Strategik LPKtn ini telah mengambil kira Dasar Pengangkutan Negara 2019-2030 serta polisi dan keputusan Kerajaan semasa.

Pelan Strategik LPKtn ini menekankan kepada empat teras iaitu Meningkatkan Kecekapan Tadbir Urus Yang Baik dan Beramanah, Memperkasakan Perkhidmatan Pelabuhan, Pembangunan Pelabuhan Mampan Dan Digitalisasi Perkhidmatan Pelabuhan. Di bawah empat teras ini sebanyak sebelas Bidang Keberhasilan Utama (KRA) telah diwujudkan sebagai strategi untuk merealisasikan keempat-empat teras tersebut.

Dengan adanya KRA dan pelan tindakan dibawahnya, saya percaya Visi LPKtn untuk menjadi pelabuhan utama di Pantai Timur akan terlaksana. Pelan Strategik ini akan dikaji dari masa ke semasa agar ia relevan dengan perubahan dinamik industri pelabuhan.

Akhir kalam, sudah tiba masanya untuk bergerak ke arah pemikiran yang lebih berdaya maju berprinsipkan tadbir urus yang beramanah sejajar dengan konsep Malaysia Madani untuk menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara yang mampan, sejahtera, berdaya cipta, saling menghormati serta bersikap ihsan.

DATO' KHAIRUL ANUAR BIN ABDUL RAHMAN
Pengurus Besar



GENERAL MANAGER'S FOREWORD

Greatest appreciation is extended to all personnel who have successfully established the Kuantan Port Authority Strategic Plan for the period 2023-2033. The establishment of this KPA Strategic Plan has taken into consideration the National Transport Policy 2019-2030 as well as the policies and resolution of the current Government.

This KPA Strategic Plan emphasises on four cores namely, Enhancing the Efficiency of Good Governance, Enhancement of Port Services, Sustainable Port Development and Digitalisation of Port Services. Under the four cores, a total of eleven Key Result Area (KRA) have been established as a strategy to realize those four cores.

With the existence of the KRA and the respective action plans, I believe that the KPA Vision to become the major port in the East Coast will be achieved. This Strategic Plan will be reviewed from time to time so that it will be relevant to the dynamic changes in the port industry.

Lastly, the time has come to move towards competitive way of thinking that would be based on good governance in line with the Malaysia Madani concept to make Malaysia a sustainable, prosperous, creative, mutually respectful and compassionate country.

DATO' KHAIRUL ANUAR BIN ABDUL RAHMAN
General Manager

RINGKASAN EKSEKUTIF

EXECUTIVE SUMMARY

Tema utama Pelan Strategik LPKtn 2023-2033 adalah untuk menjadikan Pelabuhan Kuantan sebagai Gerbang Utama di Pantai Timur. Ini penting bagi memastikan sektor pelabuhan dan logistik di Pahang terus dinamik, berdaya maju dan dapat meningkatkan daya saing. Bagi mencapai matlamat ini, Pelan Strategik telah menetapkan empat teras utama iaitu Meningkatkan Kecekapan Tadbir Urus Yang Baik dan Beramanah, Memperkasakan Perkhidmatan Pelabuhan, Pembangunan Pelabuhan Mampan dan Digitalisasi Perkhidmatan Pelabuhan.

Secara ringkasnya LPKtn sebagai pihak berkuasa pelabuhan hendaklah sentiasa cemerlang dan mempunyai anggota pekerja yang kompeten dan dapat memimpin ke arah kemajuan industri pelabuhan. Pihak industri juga penting memastikan semua pekerja adalah kompeten dan cemerlang. Pada masa yang sama adalah penting bagi memastikan kapasiti pelabuhan termasuk kelengkapan dan sistem sentiasa tersedia bagi memenuhi permintaan dan pemberian perkhidmatan yang efisien. Bagi tujuan ini adalah penting teknologi terkini khususnya digitalisasi diguna pakai selaras dengan perkembangan era digital terkini di seluruh dunia.

Namun, kita tidak seharusnya lupa kepada kesejahteraan masyarakat dan penjagaan alam sekeliling. Oleh itu, pembangunan pelabuhan madani menjadi satu teras yang penting di dalam Pelan Strategik terbaharu LPKtn.

Sebelas bidang keberhasilan yang utama (KRA) telah ditetapkan untuk memastikan teras dan hala tuju dapat dilaksanakan dengan sempurna. Sebelas KRA tersebut ialah:-

- i. **Memperkasakan Tadbir Urus Baik Dan Beramanah,**
- ii. **Pengukuhan Sumber Dan Pengurusan Kewangan,**
- iii. **Reformasi Undang-Undang Dan Peraturan,**
- iv. **Pengukuhan Kawalselia,**
- v. **Peningkatan Prestasi Pengendalian Pelabuhan,**
- vi. **Pengukuhan Infrastruktur Dan Pembangunan Pelabuhan,**
- vii. **Kepelbagaian Aktiviti Ekonomi Pelabuhan,**
- viii. **Mencapai Status Pelabuhan Hijau,**
- ix. **Pengukuhan Infrastruktur ICT,**
- x. **Pembangunan Digitalisasi Perkhidmatan Pelabuhan,**
- xi. **Penggunaan Teknologi Baharu**

Pelan Strategik LPKtn 2023-2033 yang terbaharu ini akan dapat melonjakkan kedudukan Pelabuhan Kuantan di peringkat dunia, serta menjadikan pelabuhan berdaya saing dengan pelabuhan lain diperingkat antarabangsa.

The main theme of the KPA Strategic Plan 2023-2033 is to make Kuantan Port as the Main Gateway for the East Coast Region. This is essential to ensure that port and logistics sectors in Pahang continue to be dynamic, competitive and would enhance competitiveness. To achieve this goal, the Strategic Plan has set four main cores namely, Enhancing the Efficiency of Good Governance, Enhancement of Port Services, Sustainable Port Development and Digitalisation of Port Services.

In summary, KPA as the port authority should always be excellent and possess competent personnel who would lead towards a progressive port industry. It is also essential for the industry to ensure all its workforce are competent and excellent. At the same time, it is essential to ensure the port capacity including equipment and system are readily available to fulfill the demand and to provide efficient services. In this respect, it is essential for the latest technology specifically digitalisation are being utilized in line with the development of the latest digital era all over the world.

However, we should not overlook the well-being of the society and the surrounding environment. Hence, madani port development becomes a salient core in the latest KPA Strategic Plan.

Eleven Key Result Area (KRA) have been established to ensure the cores and directions would be perfectly implemented. The eleven KRAs are:-

- i. **Empowering of Good Governance,**
- ii. **Enhancement of Financial Resources And Management,**
- iii. **Reformation of Rules And Regulations,**
- iv. **Enhancement of Regulatory,**
- v. **Improvement of Port Handling Performance,**
- vi. **Enhancement of Port Infrastructure And Development,**
- vii. **Diversification of Port Economic Activities,**
- viii. **Attaining Green Port Status,**
- ix. **Enhancement of ICT Infrastructure,**
- x. **Development of Port Services Digitalisation,**
- xi. **Utilization of New Technology**


The latest KPA Strategic Plan 2023-2033 shall push upward the position of Kuantan Port in the world whilst making it competitive with other ports at international level.

SEJARAH LEMBAGA PELABUHAN KUANTAN

HISTORY OF KUANTAN PORT AUTHORITY

LEMBAGA PELABUHAN KUANTAN telah ditubuhkan pada 1 September 1974 di bawah Akta Lembaga-Lembaga Pelabuhan, 1963 dan merupakan sebuah Badan Berkanun Persekutuan yang bertanggungjawab kepada Kementerian Pengangkutan. Pembinaan Pelabuhan Kuantan telah dimulakan pada tahun 1975 dan siap keseluruhannya pada akhir 1979. Operasi pelabuhan telah bermula secara sebahagian pada tahun 1980 dan operasi sepenuhnya pada tahun 1984.

Operasi Pelabuhan Kuantan telah diswastakan pada 1 Januari 1998 kepada Kuantan Port Consortium Sdn. Bhd. Susulan pembangunan Terminal Baru Laut Dalam (NDWT), satu perjanjian baru telah dimeterai dengan Kuantan Port Consortium Sdn. Bhd. untuk tempoh selama tiga puluh (30) tahun yang bermula pada 1 Jun 2015 sehingga 31 Mei 2045. Lembaga Pelabuhan Kuantan kini bertindak sebagai pengawalselia dan fasilitator ke arah memastikan pembangunan Pelabuhan Kuantan sebagai pelabuhan utama di rantau ini.




KUANTAN PORT AUTHORITY was established on 1 September 1974 under the Port Authorities Act, 1963 and is a Federal Statutory Body under the purview of Ministry of Transport. Construction of Kuantan Port commenced in the year 1975 and was fully completed at the end of 1979. The port was partially in operation in the year 1980 and was fully in operation in the year 1984.

The operation of Kuantan Port was privatized to Kuantan Port Consortium Sdn. Bhd. on 1 January 1998. Following the development of the New Deep Water Terminal (NDWT), a new agreement with Kuantan Port Consortium Sdn. Bhd. was sealed for a period of thirty (30) years that commenced on 1 June 2015 until 31 May 2045. Kuantan Port Authority now acts as a regulator and facilitator in ensuring progress of Kuantan Port as the major port in this region.

CARTA ORGANISASI

ORGANISATIONAL CHART



FUNGSI LEMBAGA PELABUHAN KUANTAN

FUNCTIONS OF KUANTAN PORT AUTHORITY

Lembaga Pelabuhan Kuantan Menjalankan Tugas Menurut Kuasa Yang Diperturunkan Melalui Akta Lembaga-Lembaga Pelabuhan 1963, Akta Badan-Badan Berkanun 1980 Dan Akta Pelabuhan-Pelabuhan (Penswastan) 1990, seperti berikut:

Kuantan Port Authority carries out its responsibilities in accordance to the jurisdiction empowered upon it through the Port Authorities Act, 1963, the Statutory Bodies Act, 1980 and the Ports (Privatization) Act 1990, as follows:-

1. Pembangunan

- Perancangan Pembangunan
- Pelaksanaan Pembangunan
- Pemantauan Pembangunan
- Kajian Semula Pelan Pembangunan

1. Development

- *Development Planning*
- *Development Implementation*
- *Development Monitoring*
- *Review of Development Plan*

2. Fasilitasi Perdagangan

- Pemasaran
- Pengurusan Hartanah
- Pemudahcara Aktiviti Pelaburan

2. Trade Facilitation

- *Marketing*
- *Real Estate Management*
- *Investment Activity Facilitator*

3. Kawalselia

- Operasi Pelabuhan
- Aktiviti Pembangunan
- Tarif Operasi Pelabuhan
- Keselamatan Perairan Dan Navigasi
- Keselamatan Kawasan Pelabuhan
- Aktiviti Perdagangan
- Aktiviti Hartanah
- Pihak Berkuasa Zon Bebas Pelabuhan Kuantan

3. Regulatory

- *Port Operation*
- *Development Activity*
- *Port Operation Tariff*
- *Waters and Navigational Safety*
- *Port Area Safety*
- *Trade Activity*
- *Real Estate Activity*
- *Kuantan Port Free Zone Authority*

VISI • MISI • MOTO

VISION • MISSION • MOTTO

VISI VISION

**Menjadikan Pelabuhan Kuantan
Sebagai Gerbang Utama Pantai Timur**
*To Establish Kuantan Port As The
Main Gateway For The East Coast*

MISI MISSION

**Mendayausahakan Inisiatif Yang Berimpak
Tinggi Untuk Merealisasikan Pelabuhan
Kuantan Sebagai Sebuah Pelabuhan Yang
Mampan, Efisien Dan Berdaya Saing**
*To Endeavour High Impact Initiatives In Realizing
Kuantan Port As A Sustainable, Efficient And
Competitive Port*

MOTO MOTTO

TERATUR • BERKESAN • SAKSAMA
ORGANISED • EFFECTIVE • JUST

PIAGAM PELANGGAN

CUSTOMER CHARTER

1 Kami sentiasa bersedia dengan komitmen yang tinggi untuk memberikan perkhidmatan berkualiti dan layanan yang mesra.
We are ready with high commitment to provide quality and friendly services.

2 Kami komited untuk melaksanakan tugas-tugas pengawalseliaan terhadap operasi, pembangunan dan kemajuan pelabuhan secara efisien, sistematik dan berkesan.
We are committed to carry out regulatory tasks of the operation, development and the port progress in an efficient, systematic and effective manner.

3 Kami bersedia menerima setiap aduan dan memberikan maklum balas lengkap terhadap aduan dalam tempoh 1 hari bekerja.
We are ready to accept each complaint and revert with a comprehensive feedback within 1 working day.

4 Kami menjamin setiap permohonan pengisytiharan, kelulusan atau pemakluman yang lengkap sedia diproses dalam tempoh berikut :
We undertake that each completed declaration application, approval or notification will be readily processed as follows:

- i) Kargo bahaya dalam tempoh 1 jam 30 minit
Dangerous cargo within 1 hour and 30 minutes.
- ii) Zon Bebas dalam tempoh 4 jam pada waktu bekerja
Free Zone within 4 hours during working hours.
- iii) e-PENS dalam tempoh 1 hari
e-PENS within 1 day.
- iv) Lesen perkhidmatan sokongan dan permit aktiviti dalam tempoh 3 hari bekerja
Ancillary services license and activity permit within 3 working days.

5 Kami bersedia memproses setiap terimaan bayaran di kaunter dalam tempoh 15 minit.
We are ready to process each payment received at the counter within 15 minutes.

6 Kami memberi jaminan akan membuat pembayaran bagi setiap tuntutan yang lengkap diterima dalam tempoh 7 hari bekerja.
We undertake to make payment of each completed claims we received within 7 working days.

OBJEKTIF LEMBAGA PELABUHAN KUANTAN

OBJECTIVES OF KUANTAN PORT AUTHORITY



PUNCA KUASA

SOURCES OF POWER

- 1 Akta Lembaga-Lembaga Pelabuhan 1963, Akta 488
Port Authorities Act 1963, Act 488
- 2 Akta Pelabuhan-Pelabuhan (Penswastaan) 1990, Akta 422
Ports (Privatization) Act 1990, Act 422
- 3 Akta Zon Bebas 1990
Free Zone Act 1990
- 4 Undang-Undang Kecil Lembaga Pelabuhan Kuantan 1980
Kuantan Port Authority Bylaws 1980
- 5 Undang-Undang Kecil Lembaga Pelabuhan Kuantan (Pemaliman) 1991
Kuantan Port Authority (Pilotage) Bylaws 1991
- 6 Undang-Undang Kecil Lembaga Pelabuhan Kuantan (Skala Kadar, Dius dan Caj) 2023
Kuantan Port Authority (Scale of Rates, Dues and Charges) Bylaws 2023
- 7 Undang-undang Kecil Lembaga Pelabuhan Kuantan (Tender dan Kontrak) 1988
Kuantan Port Authority (Tender and Contract) Bylaws 1988
- 8 Akta Badan-Badan Berkanun 1980
Statutory Bodies Act 1980
- 9 Peraturan Kewangan Lembaga Pelabuhan Kuantan
Kuantan Port Authority Financial Regulations
- 10 Akta Akuan Berkanun 1960
Statutory Declaration Act 1960
- 11 Akta Badan-Badan Berkanun (Tatatertib dan Surcaj) 2000 (Akta 605)
Statutory Bodies (Discipline and Surcharge) Act 2000 (Act 605)
- 12 Ordinan Perkapalan Saudagar 1952
Merchant Shipping Ordinance 1952
- 13 Akta Kawasan Larangan dan Tempat Larangan 1959
Protected Areas and Protected Places Act 1959
- 14 Pekeliling dan Arahan Perbendaharaan
Treasury Circulars and Instructions

PIHAK BERKEPENTINGAN

STAKEHOLDERS



KEMENTERIAN DAN AGENSI PERSEKUTUAN MINISTRY AND FEDERAL AGENCIES

- Kementerian Pengangkutan Malaysia / *Ministry of Transport of Malaysia*
- Kementerian Kewangan Malaysia / *Ministry of Finance Malaysia*
- Kementerian Kesihatan Malaysia / *Ministry of Health of Malaysia*
- Jabatan Perkhidmatan Awam / *Public Service Department*
- Unit Perancang Ekonomi, Kementerian Ekonomi / *Economic Planning Unit, Ministry of Economy*
- Tentera Laut DiRaja Malaysia (TLDM) / *Royal Malaysian Navy (TLDM)*
- Jabatan Kastam DiRaja Malaysia / *Royal Malaysian Customs Department*
- Jabatan Imigresen Malaysia / *Immigration Department of Malaysia*
- Jabatan Alam Sekitar / *Department of Environment*
- Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA) / *Malaysian Investment Development Authority (MIDA)*
- Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia (MTIB) / *Malaysian Timber Industry Board (MTIB)*
- Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) / *Malaysian Palm Oil Board (MPOB)*
- Majlis Keselamatan Negara / *National Security Council (Malaysia)*
- East Coast Economic Region Development Council (ECERDC) / *East Coast Economic Region Development Council (ECERDC)*
- Malaysia Rail Link (MRL) / *Malaysia Rail Link (MRL)*
- Jabatan Mineral dan Geosains / *Mineral and Geoscience Department Malaysia*




KERAJAAN NEGERI/AGENSI STATE GOVERNMENT/AGENCIES

- Kerajaan Negeri Pahang / *Pahang State Government*
- Bahagian Perancang Ekonomi Negeri Pahang / *Pahang State Economic Planning Unit*
- Majlis Bandaraya Kuantan (MBK) / *Kuantan City Council (MBK)*
- Pejabat Tanah Galian / *Land And Mines Office*
- Pejabat Daerah Dan Tanah Kuantan / *Kuantan District & Land Office*
- Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang / *Pahang State Development Corporation*



PELANGGAN TEMPATAN LOCAL CUSTOMERS

- Kuantan Port Consortium Sdn. Bhd. (KPC) / *Kuantan Port Consortium Sdn. Bhd. (KPC)*
- Agensi-agensi Perkapalan / *Shipping Agencies*
- Syarikat Pengangkutan / *Transportation Companies*
- Agensi Penghantaran / *Logistics Agencies*
- Agen Perkapalan / *Shipping Agents*
- Pemajak dan Penyewa / *Land Lessees and Tenants*
- Orang Awam / *Public*



ANALISA PERSEKITARAN DAN CABARAN

ENVIRONMENTAL ANALYSIS AND CHALLENGES

BAB
CHAPTER 2

DASAR PENGANGKUTAN NEGARA 2019 - 2030

NATIONAL TRANSPORT POLICY 2019-2030

Dasar Pengangkutan Negara telah mengenalpasti trend berikut:

The National Transport Policy has identified the following trends:

TREND 1: POPULASI YANG SEDANG BERKEMBANG DAN SEMAKIN LANJUT USIA

Bilangan penduduk negara ini diunjurkan mencecah 41.5 juta orang menjelang tahun 2040. Justeru, dijangka akan berlaku peningkatan ketara di dalam bilangan perjalanan harian iaitu daripada 40 juta perjalanan pada tahun 2010 kepada 131 juta pada tahun 2030. Pada masa yang sama, memandangkan negara ini akan menghampiri status negara tua menjelang tahun 2030, strategi-strategi pengangkutan sedia ada perlu ditambah baik bagi memastikan perkhidmatan yang disediakan bersifat inklusif.



TREND 1: GROWING AND INCREASINGLY AGING POPULATION

The number of population of this nation is projected to reach 41.5 million people by the year 2040. Therefore, significant increase in daily journey performed, namely from 40 million journeys in the year 2010 to 131 million in the year 2030 is expected. At the same time, taking into consideration this nation will reach the aging nation status by 2030, existing transportation strategies must be improved in ensuring inclusive service rendered in nature.

TREND 2: PENINGKATAN URBANISASI

Kadar urbanisasi di Malaysia meningkat dengan pantas daripada 51% pada tahun 1985 kepada 71% pada tahun 2010 dan diunjurkan akan mencecah 80% pada tahun 2030. Trend ini menyebabkan keperluan bagi mewujudkan pembangunan bandar yang mampan khususnya sistem pengangkutan yang cekap.

TREND 2: INCREASING URBANIZATION

Urbanization rate in Malaysia increased drastically from 51% in the year 1985 to 71% in the year 2010 and is projected to reach 80% in the year 2030. This trend resulted in the needs to create sustainable urban development, specifically efficient transportation systems.



TREND 3: KEMAJUAN DALAM MAKLUMAT MASA SEBENAR DAN PENDIGITALAN

Kemajuan teknologi mudah alih dan teknologi maklumat telah menawarkan spektrum baharu dalam ekosistem pengangkutan termasuk membolehkan pengguna merancang perjalanan berdasarkan maklumat masa sebenar. Trend ini dijangka akan berterusan dan semakin berkembang di masa hadapan.

TREND 3: ADVANCES IN REAL TIME INFORMATION AND DIGITALISATION

Progressing mobile technology and information technology offers new spectrum in the transportation ecosystem including enabling consumers to plan their journeys based on real time information. This trend is expected to prolong and expand in the future.



TREND 4: PERKEMBANGAN PASARAN E-DAGANG

Saiz pasaran e-dagang Malaysia bernilai RM460 bilion pada tahun 2018 dan dijangka akan berkembang kepada RM1.5 trilion bilion pada tahun 2025. Penularan wabak Covid-19 telah menggalakkan penggunaan platform e-dagang. Rentetan itu, corak pergerakan pengguna dan pola logistik telah berubah berbanding tabiat pembelian secara konvensional sebelum ini.



TREND 4: EXPANSION OF E-COMMERCE MARKET

The Malaysian e-commerce market size was worth RM460 billion in the year 2018 and is expected to expand further to RM1.5 trillion in the year 2025. Transmission of the Covid-19 epidemic had encouraged usage of e-commerce platform. In this respect, the pattern of consumer movements and the logistic polar have changed compared to earlier the conventional buying habit.

TREND 5: PERALIHAN KEPADA PENGANGKUTAN YANG MAMPAN

Malaysia telah menandatangani Perjanjian Paris pada 2016 untuk mengurangkan pelepasan gas rumah hijau (GHG) kepada 45% menjelang tahun 2030 berbanding tahun 2005 berdasarkan KDNK. Sektor pengangkutan menyumbang sebanyak 30% daripada pelepasan GHG negara. Untuk mencapai sasaran tersebut, Malaysia haruslah mengambil langkah-langkah untuk mengurangkan GHG seperti menggunakan kenderaan cekap tenaga (EEV) dan bahan api alternatif yang mampan.

TREND 5: SHIFT TOWARDS ENVIRONMENTALLY SUSTAINABLE TRANSPORT

Malaysia has signed the Paris Agreement in 2016 to reduce the greenhouse gas (GHG) emission to 45% by the year 2030 compared to the year 2005 based on the GDP. The transportation sector contributes 30% of the nation GHG. To achieve the target, Malaysia should take steps to reduce GHG such as utilization of enhanced Energy Efficiency Vehicle (EEV) and sustainable fuel alternative.




TREND 6: PERALIHAN KEPADA KAPAL YANG LEBIH BESAR, PENGABUNGAN SYARIKAT PERKAPALAN DAN PENINGKATAN PENGENDALIAN KONTENA

Dengan perkembangan dalam pengendalian kontena, saiz dan kapasiti kapal telah meningkat secara berterusan iaitu hampir lapan kali ganda dalam masa 40 tahun kebelakangan ini dan telah mencatatkan pertambahan lebih dua kali ganda sejak tahun 2000. Perubahan ke arah penggunaan kapal yang lebih besar juga merupakan satu kekangan kepada pelabuhan sedia ada yang memerlukan pelaburan yang tinggi oleh operator pelabuhan untuk menyediakan infrastruktur dan perkhidmatan. Trend pertumbuhan ke arah kapal kontena yang lebih besar juga telah menggalakkan penggabungan syarikat dan pembentukan konsortium.

TREND 6: TRANSITION TO BIGGER VESSELS, CONSOLIDATION OF SHIPPING COMPANIES AND INCREASE IN CONTAINER HANDLING

With the continuous expansion of container handling, vessel size and capacity namely by nearly eight fold in the past 40 years and doubled since the year 2000, the move towards usage of bigger vessels has become a constraint for existing ports which require high investment by the port operator to provide infrastructures and services. The move towards bigger container vessel has also encouraged consolidation of companies and formation of consortiums.



TREND 7: PENINGKATAN PERJALANAN PENUMPANG DAN IMPAK PERKHIDMATAN PENERBANGAN KOS RENDAH

Kajian Strategi Pengangkutan Negara oleh Bank Dunia (2014) mengunjurkan pertumbuhan tahunan penumpang sebanyak 4.1% di antara tahun 2013-2033 di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur, 6.1% di Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang dan 5.5% di Lapangan Terbang Antarabangsa Kota Kinabalu. Perancangan dan pembangunan masa hadapan perlu mengambilkira pertumbuhan penumpang serta kargo udara. Penularan wabak Covid-19 telah merencatkan perkembangan sektor penerbangan termasuk penerbangan kos rendah di peringkat global dan domestik secara drastik sehingga 75%. Walau bagaimanapun, trend dijangka kembali normal pada tahun 2023.



TREND 7: INCREASING PASSENGER TRAVEL AND IMPACT OF LOW COST CARRIERS


The National Transport Strategy research by the World Bank (2014) forecasted an annual growth of passengers by 4.1% between the years 2013-2033 at the Kuala Lumpur International Airport, 6.1% at the Penang International Airport and 5.5% at the Kota Kinabalu International Airport. Future Research and Development should take into consideration growth of passenger and air cargo. Transmission of the Covid-19 epidemic has drastically stunted the growth of the airline sector including the low cost airlines at the global and domestic level by up to 75%. However, this trend is expected return to normal in the year 2023.

TREND 8: PERCAMBAHAN TEKNOLOGI BARU

Percambahan teknologi baharu seperti kecerdasan buatan *Artificial Intelligence (AI)*, rangkaian cloud dan Internet of Things (IoT) meningkatkan keperluan bagi mewujudkan rangka kerja pengawalseliaan dan perancangan yang lebih komprehensif. Peningkatan automasi dan teknologi juga telah membawa kepada kemajuan kenderaan berautonomi dan Unmanned Aircraft System (UAS).

TREND 8: PROLIFERATION OF NEW TECHNOLOGY

Proliferation of new technology such as Artificial Intelligence (AI), cloud network and Internet of Things (IoT) have boosted the needs for more comprehensive monitoring and planning frameworks. The growth in automation and technology has also resulted in development of autonomous vehicles and Unmanned Aircraft System (UAS).



ANALISA SWOT

SWOT ANALYSIS

KEKUATAN



STRENGTHS

- Pelabuhan Utama Pantai Timur
- Sokongan industri Negeri Pahang (MCKIP, Kawasan Industri Gebeng, Pekan Industrial Park)
- Dua jajaran sisih East Coast Rail Link (ECRL) di Pelabuhan Kuantan bakal menghubungkan Pelabuhan Kuantan ke semua pelabuhan utama di Semenanjung Malaysia
- Pelabuhan Kuantan diwartakan sebagai kawasan Zon Bebas
- Hubungan perdagangan strategik dengan negara China (Two Countries, Twin Parks; MCKIP & CMQIP, CMPA, China's Belt and Road)
- Pengendali kargo pukal kering terbesar di Malaysia
- Pengurusan Dana sendiri (Badan Berkanun Persekutuan)

- *The main port of the East Coast*
- *Support from the Pahang State Industries - including MCKIP, Gebeng Industrial Area, Pekan Industrial Park*
- *The two East Coast Rail Link (ECRL) spur lines at Kuantan Port will connect Kuantan Port to all major ports on the Malaysian Peninsular.*
- *Kuantan Port is gazetted as a Free Zone area*
- *Strategic trade relationship with China (Two Countries, Twin Parks; MCKIP & CMQIP, CMPA, China's Belt and Road)*
- *The largest dry bulk cargo handler in Malaysia*
- *Self-management of funds (Federal Statutory Body)*

KELEMAHAN



WEAKNESSES

- Pengezonan kawasan Zon Bebas tidak strategik
- Prosedur kerja antara agensi berkaitan yang kurang jelas
- Kekurangan mitigasi pencemaran alam sekitar yang berkesan
- Struktur organisasi tidak seimbang dengan keperluan pengoperasian LPKtn

- *Non-strategic zoning of the Free Zone area*
- *Unclear workflow procedures among related agencies*
- *Lack of effective environmental pollution mitigation*
- *Organisational structure imbalance with operational needs of KPA*

PELUANG



OPPORTUNITIES

- Kemasukan pelabur baharu di Kawasan Industri MCKIP
- Dasar 4IR Negara (Digitalisasi)
- Perluasan pelabuhan masa hadapan - Fasa 2 dan 3 NDWT
- Mempunyai jaringan pengangkutan bersepadu; keretapi, lebuh raya dan lapangan terbang
- Pembangunan 'Kuantan Maritime Hub'
- Status LPKtn sebagai Badan Berkanun Diasingkan Saraan dan Dibebaskan (BBDSB)
- Cadangan Pelabuhan Halal
- Tanah tersedia untuk kegunaan industri

- *Entry of new investors into the MCKIP Industrial Area*
- *National 4IR Policy (Digitalisation)*
- *Future port expansion - Phase 2 and Phase 3 NDWT*
- *Integrated transportation network; railway, highways and airports*
- *Development of Kuantan Maritime Hub*
- *KPA status as Fully Independent Statutory Body (BBDSB)*
- *Proposal for Halal Port*
- *Land available for industrial use*

ANCAMAN



THREATS

- Kesan krisis ekonomi dunia (Rusia-Ukrain, China Lockdown)
- Ketidakstabilan politik Negara
- Kesan Pasca-pandemik
- Perubahan Iklim Dunia
- Cadangan Projek Terusan Segenting Kra

- *Impact of global economic crisis (Russia-Ukraine, China Lockdown)*
- *Political instability in the country*
- *Post-pandemic effects*
- *Global climate change*
- *The proposal for the Kra Canal Project*

HALA TUJU STRATEGIK

STRATEGIC DIRECTIONS

BAB
CHAPTER 3

TERAS DAN BIDANG KEBERHASILAN UTAMA (KRA)

TERAS 1

Meningkatkan Kecekapan Tadbir Urus Yang Baik Dan Beramanah

KRA 1 : Memperkasakan Tadbir Urus Baik Dan Beramanah

KRA 2 : Pengukuhan Sumber Dan Pengurusan Kewangan

KRA 3 : Reformasi Undang-Undang Dan Peraturan

TERAS 2

Memperkasakan Perkhidmatan Pelabuhan

KRA 4 : Pengukuhan Kawalselia

KRA 5 : Peningkatan Prestasi Pengendalian Pelabuhan

TERAS 3

Pembangunan Pelabuhan Mampan

KRA 6 : Pengukuhan Infrastruktur Dan Pembangunan Pelabuhan

KRA 7 : Kepelbagaian Aktiviti Ekonomi Pelabuhan

KRA 8 : Mencapai Status Pelabuhan Hijau

TERAS 4

Digitalisasi Perkhidmatan Pelabuhan

KRA 9 : Pengukuhan Infrastruktur ICT

KRA 10 : Pembangunan Digitalisasi Perkhidmatan Pelabuhan

KRA 11 : Penggunaan Teknologi Baru

CORES AND THE KEY RESULT AREA (KRA)

CORE 1

Enhancing the Efficiency of Good Governance

KRA 1 : Empowering of Good Governance

KRA 2 : Enhancement of Financial Resources and Management

KRA 3 : Reformation of Rules and Regulations

CORE 2

Enhancement of Port Services

KRA 4 : Enhancement of Regulatory

KRA 5 : Improvement of Port Handling Performance

CORE 3

Sustainable Port Development

KRA 6 : Enhancement of Port Infrastructure and Development

KRA 7 : Diversification of Port Economic Activities

KRA 8 : Attaining Green Port Status


CORE 4

Digitalisation of Port Services

KRA 9 : Enhancement of ICT Infrastructure

KRA 10 : Development of Port Services Digitalisation

KRA 11 : Utilization of New Technology



TERAS 1

MENINGKATKAN KECEKAPAN TADBIR URUS YANG BAIK DAN BERAMANAH

DISKRIPSI:

Meningkatkan Kecekapan Tadbir Urus Yang Baik Secara Holistik Dan Sistematis

OBJEKTIF STRATEGIK:

Menjadikan LPKtn Sebagai Organisasi Yang Unggul Di Masa Hadapan Dengan Mempunyai Anggota Pekerja Yang Cepak Dan Mempunyai Pengetahuan Seiring Dengan Teknologi Terkini Bagi Mendorong Industri Pelabuhan Kuantan Yang Mampan, Efisien Dan Berdaya Saing

KRA 1 MEMPERKASAKAN KECEKAPAN TADBIR URUS BAIK DAN BERAMANAH

STRATEGI	PETUNJUK PRESTASI	SASARAN
1. Pelaksanaan BBDSB 2. Membentuk budaya kerja berprestasi tinggi melalui penetapan KPI 3. Pemantapan pengurusan kompetensi tenaga kerja melalui Pelan Pengurusan Sumber Manusia LPKtn 4. Menambahbaik pengukuran prestasi melalui pengiktirafan & ganjaran perkhidmatan 5. Melaksanakan strategi dan inisiatif OACP LPKtn 6. Memperolehi persijilan ABMS 7. <i>Internal capability development</i>	▪ Pencapaian prestasi tinggi anggota pekerja ▪ Pencapaian hasil kerja anggota pekerja ▪ Latihan/kursus yang berimpak tinggi ▪ Peratus pencapaian inisiatif OACP ▪ Pengukuran indeks kesejahteraan psikologi dan keterlibatan pegawai ▪ Jumlah kes rasuah/salah laku	▪ 80% anggota pekerja mencapai prestasi melebihi 90% pada 2033 ▪ Sifar rasuah/salah laku ▪ LPKtn mendapat pengiktirafan diperingkat kebangsaan/antarabangsa ▪ 100% pekerja mempunyai indeks emosi positif tinggi dan indeks emosi negatif rendah

KRA 2 PENGUKUHAN SUMBER DAN PENGURUSAN KEWANGAN

STRATEGI	PETUNJUK PRESTASI	SASARAN
1. Meningkatkan sumber kewangan melalui pelaburan baru 2. Membuat kajian pelan perniagaan dan pelan simpanan tetap untuk tempoh jangka sederhana dan jangka panjang 3. Meningkatkan kerjasama dengan entiti yang berkepentingan untuk peningkatan hasil 4. Melaksanakan pengawalan perbelanjaan berhemah	▪ Peningkatan pendapatan melalui hasil: i) hartanah ii) simpanan tetap iii) lain-lain pendapatan ▪ Sumber pendapatan baru ▪ Kawalan bajet ▪ Teguran audit	▪ Margin keuntungan adalah melebihi 30% menjelang 2033 ▪ Keuntungan sebelum cukai melebihi 3 juta setiap tahun bermula 2024 ▪ Siling perbelanjaan tidak melebihi 30% daripada pendapatan

KRA3 REFORMASI UNDANG-UNDANG DAN PERATURAN

STRATEGI	PETUNJUK PRESTASI	SASARAN
1. Memastikan Akta/Undang-Undang Kecil/Peraturan memenuhi keperluan semasa 2. Penggubalan UUK/Peraturan Baru 3. Semakan terma Perjanjian Penswastan 2016	▪ Semakan UUK: i) Undang-Undang Kecil Lembaga Pelabuhan Kuantan (Skala Kadar, Dius dan Caj 2023) ii) Undang-Undang Kecil Lembaga Pelabuhan Kuantan 1980 ▪ Pewartaan UUK: i) Kargo Bahaya ii) HSE ▪ Semakan semula tanej <i>threshold</i> secara berasingan berdasarkan fasa pembangunan ▪ Semakan audit	▪ Pewartaan: i) Undang-Undang Kecil Lembaga Pelabuhan Kuantan (Skala Kadar, Dius dan Caj 2023) ii) Undang-Undang Kecil Lembaga Pelabuhan Kuantan 1980 pada 2030 iii) UUK Kargo Bahaya pada 2030 iv) UUK HSE pada 2030 ▪ Penetapan tanej <i>threshold</i> berdasarkan fasa pembangunan

CORE 1

ENHANCING THE EFFICIENCY OF GOOD GOVERNANCE

DESCRIPTION:

Enhancing The Efficiency Of Good Governance Holistically And Systematically

STRATEGIC OBJECTIVES:

Making KPA An Excellent Organisation In The Future With Personnel Who Are Efficient And Equipped With Knowledge That Is In Line With The Latest Technology To Drive Sustainable, Efficient And Competitive Kuantan Port Industry

KRA 1 EMPOWERING OF GOOD GOVERNANCE

STRATEGIES	PERFORMANCE INDICATOR	TARGET
